



24 DEC, 2021

## Siab Holdings meterai perjanjian dengan M&A Securities

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



## Siab Holdings meterai perjanjian dengan M&A Securities

**KUALA LUMPUR:** Penyedia perkhidmatan pembinaan bangunan, Siab Holdings Bhd telah melantik M&A Securities Sdn Bhd (M&A Securities) sebagai penasihat utama, penaja, penaja jamin dan ejen penempatannya untuk Tawaran Awam Permulaan (IPO) di Pasaran ACE pada suku pertama 2022.

Pengarah Urusan Kumpulan Siab, Ng Wai Hoe berkata, M&A Securities akan menaja jamin sejumlah 36.722 juta saham baru yang disediakan untuk rakyat Malaysia dan pengarah kumpulan yang layak, pekerja serta individu yang telah menyumbang kepada kumpulan itu.

Beliau berkata, menerokai pasaran modal akan mem-

bantu mempercepatkan rancangan pertumbuhan kumpulan.

"Hasil yang diperoleh akan digunakan terutamanya untuk meningkatkan jentera dan peralatan bagi menyokong pengembangan perniagaan kami. Ini selaras dengan rancangan masa depan kami untuk mengembangkan lagi aktiviti pembinaan bangunan dengan menyertai tender bagi projek bernilai lebih tinggi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ng berkata, sebahagian daripada hasil itu juga akan digunakan untuk melaksanakan sistem pemodelan maklumat bangunan sejajar dengan rancangan masa depan kumpulan itu, katanya sambil

menambah syarikat itu juga akan terus mengemukakan tender untuk mendapatkan lebih banyak kerja pembinaan, terutamanya projek reka bentuk dan binaan.

Pelaksanaan IPO Siab melibatkan terbitan awam sebanyak 122.409 juta saham baharu dan tawaran untuk jualan 48.963 juta saham sedia ada melalui penempatan persendirian.

Daripada sejumlah 122.409 juta saham baharu, 24.481 juta saham akan diperuntukkan kepada rakyat Malaysia melalui pengundian dan 12.240 juta saham kepada pengarah, pekerja dan individu yang layak yang telah menyumbang kepada kejayaan kumpulan. -Bernama